

Headline	GTP, ETP banyak manfaat kepada generasi muda		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	02 May 2013	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	TEMPATAN	Color	Black/white
Page No	4	ArticleSize	218 cm ²
AdValue	RM 495	PR Value	RM 1,486



GTP, ETP banyak manfaat kepada generasi muda

PROGRAM Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilaksanakan kerajaan Barisan Nasional (BN) memberi impak positif kepada rakyat, terutama kepada golongan muda atau generasi Y, kata beberapa pemimpin belia.

Bagi generasi Y, transformasi yang dilakukan itu, terutama dalam bidang pendidikan banyak memberi manfaat kepada mereka dalam usaha kerajaan memacu negara ke arah status negara maju menjelang 2020.

Bagaimanapun, ramai generasi tersebut berharap suara mereka terus didengari oleh kerajaan dalam menggubal dasar-dasar berkaitan dengan GTP dan ETP supaya program berkenaan dapat direalisasikan dengan jayanya.

Presiden Pergerakan Pemuda Malaysia Tan Pei Leong berkata generasi muda perlu diberi lebih banyak peluang bersama-sama menyumbang idea dalam sesuatu dasar kerajaan kerana pandangan mereka perlu diberi perhatian dalam usaha kerajaan membina sebuah negara yang mengutamakan rakyatnya.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Utara Malaysia (UUM) Ku Amirul Faiz Ku Seman berkata transformasi itu yang meluaskan akses pendidikan berkualiti dan berkemampuan, telah memberi peluang kepada lebih ramai pelajar melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi.

Bagaimanapun transformasi

yang diinginkan generasi Y bukan hanya sekadar fizikal sahaja tetapi juga meliputi aspek kerohanian, dengan tumpuan lebih terhadap golongan belia, katanya.

Beliau berkata kerajaan perlu lebih terbuka menerima pandangan orang muda kerana mereka membawa idea baharu yang lebih progresif dan tahu apa yang golongan itu kehendaki.

Di PERAK, seorang pekerja swasta Raenu Kolondaisamy, 28, berkata walaupun golongan muda banyak mendapat manfaat terutama dalam bidang pendidikan namun rungutan yang sering didengari ialah kesukaran mendapat pekerjaan.

"Tanggungjawab seterusnya adalah memastikan golongan ini mendapat pekerjaan bersesuaian dengan taraf pendidikan mereka," kata pelajar PhD Universiti Malaya yang berasal dari Chemor itu.

Malah, para pelajar kini mudah mendapatkan biasiswa melanjutkan pelajaran, termasuk beliau dan adik-beradiknya, katanya yang berterima kasih kepada kerajaan atas biasiswa program MyBrain yang telah memberinya peluang melanjutkan pelajaran di peringkat doktor falsafah.

Di ALOR SETAR, Presiden Majlis Belia Negeri Kedah (MBNK) Ku Iskandar Ku Saad berkata banyak produk 1Malaysia yang diwujudkan kerajaan tertumpu terhadap menjaga kepentingan golongan muda di negara ini.

Bagaimanapun masih banyak

lagi yang boleh dilakukan kerajaan antaranya membina litar lumba motosikal untuk golongan belia menyalurkan aktiviti mereka, katanya Di NEGERI SEMBILAN pula, Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin berkata, bukti terbaik kerajaan BN memenuhi aspirasi generasi muda adalah peningkatan jumlah calon muda pada pilihan raya umum kali ini.

Katanya, pendekatan itu merupakan satu pengiktirafan terhadap generasi muda selain mencerminkan BN bukan sahaja menyahut aspirasi anak muda bahkan berani menterjemahkan peralihan generasi ke dalam barisan hadapannya.

"Penyenaraian ramai orang muda dan muka baharu ini dilihat

dapat menggalas harapan dan tanggungjawab sebagai ahli pasukan transformasi BN pada PRU ini," katanya.

Di MELAKA, pekerja sebuah restoran makanan segera, Mohamad Farid Ismail, 24, dari Ayer Keroh berkata keprihatinan kerajaan terhadap isu yang dekat di hati belia menunjukkan golongan itu tidak pernah dipinggirkan dalam setiap agenda yang dirancang.

"Setakat ini, dari sekecil-kecil bantuan seperti saya sendiri rasai iaitu Bantuan Lesen 1Malaysia (BL1M) sehinggalah bantuan yang besar seperti perumahan diberikan kerajaan kepada belia," katanya kepada Bernama.

- Bernama